



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE EXAMINATION  
(SUPPLEMENTARY) 2025**

**CRIMINAL PROCEDURE**

**Monday, 17 November 2025**

**Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.**

**Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.**

- 
- \* **THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B'.**
  - \* **YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
  - \* **YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
  - \* **GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
  - \* **RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
- 

**REMINDER:**

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer the questions **either** in the English or national language.

**(This question paper has 7 questions printed on 9 pages)**



**PART A: COMPULSORY QUESTION****1. Candidates MUST answer this question**

Martin ('M') and John ('J') were charged with rape under section 376(1) of the Penal Code. At the next pre-trial conference, the Deputy Public Prosecutor (DPP) further informed the court that he had no documents to hand over to the accused at this time and would only do so when the trial commences.

After a lengthy trial, the Sessions Court Judge found both M and J guilty and proceeded to convict and sentence each of them to seven (7) years imprisonment and three (3) strokes of whipping. Unhappy with the Sessions Court's decision to convict and sentence them, M and J wish to file their respective appeals to the High Court.

Taking into account the fact that M is a foreigner and J is a Malaysian medical student in a local university, the Sessions Court Judge rejected their lawyers' request for bail pending appeal without giving any reason and ordered both of them to be sent to prison immediately. The next day, M through his lawyer made another application for bail but the Sessions Court Judge again rejected his application.

M and J both appoint you as their new counsel.

(a) **Explain the jurisdiction and powers of the Sessions Court in criminal cases.**

**(5 marks)**

(b) **Describe the law compelling the DPP to hand over documents to an accused before trial.**

**(6 marks)**

- (c) **With reference to the Criminal Procedure Code and case law, state the considerations a Sessions Court Judge must take into account in an application for stay of execution and bail pending appeal.**

**(14 marks)**

**PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**

**2. Answer ALL parts of this question**

Reggie ('R') was charged in the Taiping Magistrates' Court with driving a motorcar recklessly causing the death of Apollo, an offence under section 41(1) of the Road Transport Act 1987.

After the first witness for the prosecution was called, R's lawyer verbally informed the court that R had an alibi and was not even the driver of the car that morning.

Immediately after the prosecution released its last witness from the stand, R's lawyer told the Magistrate that the prosecution had neglected to and were duty-bound to call three (3) more key witnesses who had previously given their statements to the police in the course of their investigations. The Magistrate dismissed the application without giving any reason whatsoever.

After R was called upon to enter his defence to the charge, his lawyer told the court that they were not planning to call any witnesses and that R exercised his right to remain silent. After receiving submissions from both parties at the end of the trial, the Magistrate convicted R and sentenced him to four (4) years' imprisonment.

R appoints you to handle his appeal to the High Court.

- (a) **Discuss the rights and duties of the prosecution to call witnesses to testify in a criminal trial.**

**(12 marks)**

- (b) **Explain the law and rules governing the tendering of an alibi in a criminal case.**

**(6 marks)**

- (c) **Explain the procedural requirements which R must comply with when filing his appeal against conviction and sentence from the Magistrates' Court.**

**(7 marks)**

**3. Answer ALL parts of this question**

Tugu was charged in the Sessions Court with an offence under section 420 of the Penal Code for cheating and dishonestly inducing the delivery of property. The trial commenced before Judge A and proceeded smoothly for several days, during which the prosecution called ten witnesses, including the victim. The defence counsel cross-examined all ten witnesses.

Before the prosecution closed its case, Judge A was suddenly transferred to a different court. The case was then reassigned to a new Judge, Judge B. The Deputy Public Prosecutor (DPP) applied for an order that the trial should continue before Judge A on the basis that the evidence had already been recorded by him. The defence, however, objected and argued that a fresh trial should be conducted.

Based on the above:

- (a) **Critically discuss, with reference to the Criminal Procedure Code and relevant case law, the legal principles governing a trial de novo in Malaysia and the potential implications for the accused's right to a fair trial.**

**(10 marks)**

- (b) **Tugu's lawyer informs Judge B that he has written a letter of representation to the Attorney-General's Chambers seeking for the charges to be withdrawn. Discuss the legality and possible effect of the letter on the trial.**

**(5 marks)**

- (c) **Explain the trial and sentencing jurisdiction of the High Court.**

**(5 marks)**

- (d) **State the appellate powers of the High Court in criminal proceedings.**

**(5 marks)**

**4. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) **With reference to the relevant provisions of the Criminal Procedure Code and case law, critically discuss the legal framework governing the determination of an accused person's mental state and fitness to plead in a criminal trial and the procedural steps that must be followed before the commencement of any trial if the accused is suspected of being of unsound mind.**

**(7 marks)**

- (b) **Alice, a Thai national, is charged with voluntarily causing grievous hurt to Jami, an offence under section 325 of the Penal Code. Alice wishes to plead guilty to the charge. Explain the law and safeguards relating to the taking of her plea in court.**

**(7 marks)**

- (c) **With reference to the Federal Constitution and the Criminal Procedure Code, explain the fundamental rights and the procedural safeguards available to an arrested person.**

**(11 marks)**

**5. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) “As for the sentences of whipping, the law dictates that it to be consecutive.”
- Per Muniandy Kannyappan JC (as he then was) in *Public Prosecutor v Mohamad Ramadan bin Mohd Yusof* [2021] MLJU 1629.

**Examine the above statement by reference to the relevant law and decided cases as at the year of judgment [2021].**

**(12 marks)**

- (b) The accused, Saufi, was charged in a court at Kuantan for two offences, the first under section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 (‘DDA’) and the second under section 12(2) of the DDA. For the first offence, the charge was reduced to possession of a dangerous drug, Methamphetamine, weighing 77.71 g. As for the second offence, Saufi was charged with possession of a dangerous drug, heroin, weighing 11.27 g. Both offences under section 12(2) are punishable under section 12(3) of the DDA. Saufi pleaded guilty to both charges. He was 50 years and 3 months old then. He had six past convictions, all for drug-related offences. When he was arrested, he had just been released from prison after serving a sentence of imprisonment and whipping under section 39A(1) of the DDA. The learned Deputy Public Prosecutor (DPP) in his oral argument asked the court to sentence Saufi to a lengthy term of imprisonment taking into account that Saufi would be exempted from a sentence of whipping. The DPP further contended that if a convicted offender was to be exempted from whipping under the law, the court should then factor that in and increase the term of imprisonment in the sentence.

Based on the above:

- (i) **Explain the steps to be taken by the trial judge before recording a plea of guilt.**

**(5 marks)**

- (ii) **Determine whether the trial judge should consider it appropriate to impose a long imprisonment sentence in view of the exemption of whipping against Saufi.**

**(8 marks)**

**6. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) Bijan is a prominent politician facing seven (7) charges before the High Court, namely one (1) charge under section 23 of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, three (3) charges under section 409 of the Penal Code, and three (3) charges for offences under section 4 of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001. The High Court dismissed Bijan's Notice of Motion application for a 'gag' order to prevent the media and public from discussing the merits of the criminal charges against him until the conclusion of proceedings. Following the dismissal of his application, Bijan's counsel made an oral application for a stay of proceedings pending the disposal of his appeal against the dismissal of the application.

**Based on the above, explain the determinative principles in considering the application for stay of proceedings before the High Court.**

**(12 marks)**

- (b) Explain:

- (i) **the procedure at the hearing of a criminal appeal.**

**(5 marks)**

- (ii) **the powers of the High Court in revision.**

**(8 marks)**

**7. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) Nelson arrived at the Kuala Lumpur International Airport on a flight from Bangkok. Shortly after collecting his luggage, he was detained by ASP Mani. After cutting open the untidily sewn stitches inside a black briefcase carried by Nelson, ASP Mani discovered two hidden compartments containing the dangerous drug, cocaine.

When testifying in his defence at the trial, Nelson claimed that he was to be paid US\$3,000.00 to successfully deliver the drugs to Bego. At the end of the trial, the High Court Judge determined that actual possession of the drugs had been established beyond a reasonable doubt. Nelson was duly convicted and sentenced to death for trafficking in 508 g of cocaine.

Nelson filed an appeal against his conviction and sentence. One of the grounds of appeal was that the learned trial judge had prejudged the issue before hearing submissions because the grounds of judgment were written on a date which was a week earlier than the date judgment was handed down. This was reflected in the appeal record. Nelson, through his counsel, argued that the learned trial judge had made up his mind well before hearing submissions of Nelson's counsel, who further argued that the learned trial judge was obliged to hear submissions from the counsel and the Deputy Public Prosecutor before he gave his decision. Nelson's counsel therefore urged the appellate court to remit the case back to the High Court for a retrial.

**Based on the above, determine whether the appeal would succeed based on the ground.**

**(8 marks)**

- (b) Aarman was charged with murder, an offence under section 302 of the Penal Code. He allegedly committed the offence with two other persons who were still at large. Aarman's trial commenced in November 2018 during which a total of 19 witnesses testified as witnesses for the prosecution. The Deputy Public Prosecutor ('DPP') then made an oral application for two more witnesses to give evidence in such a manner that they could not be seen or heard or have their identities disclosed to either Aarman or his counsel.

**Based on the above, explain the procedures to be adopted by the court pursuant to the oral application.**

**(7 marks)**

- (c) Answer the following:

(i) **Explain the duty of the coroner at a death inquiry.**

**(5 marks)**

(ii) **Explain whether the Public Prosecutor can order an inquiry into a death.**

**(5 marks)**

**oOOo**



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN  
(TAMBAHAN) 2025**

**PROSEDUR JENAYAH**

**Isnin, 17 November 2025**

**Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi**

**Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari**

- 
- \*KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
  - \*ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
  - \*ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
  - \*BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
  - \*KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
- 

**PERINGATAN:**

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

**(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 10 muka surat)**



**BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB****1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Martin ('M') dan John ('J') telah dipertuduh merogol di bawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan. Pada persidangan sebelum bicara yang seterusnya, Timbalan Pendakwa Raya (TPR) selanjutnya memberitahu mahkamah bahawa dia tidak mempunyai dokumen-dokumen untuk diserahkan kepada tertuduh pada masa ini dan hanya akan berbuat demikian apabila perbicaraan dimulakan.

Selepas suatu perbicaraan yang panjang, Hakim Mahkamah Sesyen mendapati kedua-dua M dan J bersalah dan terus mensabitkan dan menjatuhkan hukuman tujuh (7) tahun pemenjaraan dan tiga (3) sebatan sebat ke atas setiap seorang daripada mereka. Tidak gembira dengan keputusan Mahkamah Sesyen yang mensabitkan dan menjatuhkan hukuman ke atas mereka, M dan J berhasrat untuk memfailkan rayuan mereka masing-masing kepada Mahkamah Tinggi.

Mengambil kira fakta bahawa M ialah seorang warga asing dan J ialah seorang pelajar perubatan warganegara Malaysia di sebuah universiti tempatan, Hakim Mahkamah Sesyen telah menolak permintaan peguam mereka bagi jaminan sementara menanti rayuan tanpa memberikan apa-apa alasan dan memerintahkan kedua-dua mereka untuk dihantar ke penjara dengan segera. Hari berikutnya, M melalui peguamnya telah membuat satu lagi permohonan bagi jaminan tetapi Hakim Mahkamah Sesyen sekali lagi telah menolak permohonannya.

Kedua-dua M dan J melantik anda sebagai peguam mereka yang baharu.

(a) **Jelaskan bidang kuasa dan kuasa Mahkamah Sesyen dalam kes-kes jenayah.**

**(5 markah)**

(b) **Perihalkan undang-undang yang memaksa TPR untuk menyerahkan dokumen-dokumen kepada seseorang tertuduh sebelum perbicaraan.**

**(6 markah)**

- (c) Dengan merujuk Kanun Tatacara Jenayah dan undang-undang kes, nyatakan pertimbangan yang mesti diambil kira oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam suatu permohonan bagi penggantungan pelaksanaan dan jaminan sementara menanti rayuan.

(14 markah)

**BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN**

**2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Reggie ('R') telah dipertuduh memandu motokar secara melulu yang menyebabkan kematian Apollo di Mahkamah Majistret Taiping, suatu kesalahan di bawah seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Selepas saksi pertama bagi pihak pendakwaan dipanggil, peguam R secara lisan telah memberitahu mahkamah bahawa R mempunyai alibi dan bukanlah pemandu kereta pada pagi itu.

Sebaik selepas pihak pendakwaan melepaskan saksi terakhirnya daripada kandang saksi, peguam R memberitahu Majistret bahawa pihak pendakwaan telah mengabaikan dan berkewajipan untuk memanggil tiga (3) orang lagi saksi utama yang telah pun sebelum itu memberikan pernyataan mereka kepada polis semasa penyiasatan mereka. Majistret telah menolak permohonan itu tanpa memberikan apa-apa jua alasan.

Selepas R dipanggil untuk memasukkan pembelaannya terhadap pertuduhan itu, peguamnya memberitahu mahkamah bahawa mereka tidak merancang untuk memanggil mana-mana saksi dan bahawa R menggunakan haknya untuk berdiam diri. Selepas menerima penghujahan daripada kedua-dua pihak pada akhir perbicaraan, Majistret mensabitkan R dan menjatuhkan hukuman empat (4) tahun pemenjaraan ke atas R.

R melantik anda untuk mengendalikan rayuannya ke Mahkamah Tinggi.

- (a) **Bincangkan hak-hak dan kewajipan-kewajipan pihak pendakwaan untuk memanggil saksi-saksi untuk memberikan keterangan dalam suatu perbicaraan jenayah.**

**(12 markah)**

- (b) **Jelaskan undang-undang dan kaedah-kaedah yang menentukan pengemukaan alibi dalam suatu kes jenayah.**

**(6 markah)**

- (c) **Jelaskan kehendak prosedur yang mesti dipatuhi oleh R apabila memfailkan rayuannya terhadap sabitan dan hukuman daripada Mahkamah Majistret.**

**(7 markah)**

**3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Tugu telah dipertuduh di Mahkamah Sesyen atas suatu kesalahan di bawah sesyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan mendorong penyerahan harta dengan curang. Perbicaraan telah dimulakan di hadapan Hakim A dan berjalan lancar untuk beberapa hari, yang semasa perbicaraan itu pihak pendakwaan memanggil sepuluh orang saksi, termasuk mangsa. Peguam bela telah memeriksa balas kesemua sepuluh orang saksi tersebut.

Sebelum pihak pendakwaan menutup kes mereka, Hakim A telah ditukarkan ke mahkamah lain dengan tiba-tiba. Kes itu kemudiannya telah ditugaskan semula kepada seorang hakim baharu, Hakim B. Timbalan Pendakwa Raya (TPR) telah memohon suatu perintah supaya perbicaraan itu diteruskan di hadapan Hakim A atas asas bahawa keterangan telah pun direkodkan oleh Hakim A. Pihak pembelaan, walau bagaimanapun, telah membantah dan menghujahkan bahawa suatu perbicaraan baharu patut dijalankan.

Berdasarkan perkara di atas:

- (a) **Bincangkan secara kritis, dengan merujuk Kanun Tatacara Jenayah dan undang-undang kes yang berkaitan, prinsip undang-undang yang**

menentukan suatu perbicaraan de novo di Malaysia dan implikasi yang mungkin bagi hak tertuduh untuk suatu perbicaraan yang adil.

(10 markah)

- (b) Peguam Tugu memberitahu Hakim B bahawa dia telah menulis surat representasi kepada Jabatan Peguam Negara yang meminta supaya pertuduhan itu ditarik balik. Bincangkan kesahan dan kesan yang mungkin daripada surat itu ke atas perbicaraan itu.

(5 markah)

- (c) Jelaskan bidang kuasa perbicaraan dan penghukuman Mahkamah Tinggi.

(5 markah)

- (d) Nyatakan kuasa-kuasa rayuan Mahkamah Tinggi dalam prosiding jenayah.

(5 markah)

4. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Dengan merujuk peruntukan-peruntukan Kanun Tatacara Jenayah dan undang-undang kes yang berkaitan, bincangkan secara kritis kerangka undang-undang yang mentadbir penentuan keadaan dan kesihatan mental orang tertuduh untuk membuat pengakuan dalam suatu perbicaraan jenayah dan langkah-langkah prosedur yang mesti diikuti sebelum permulaan apa-apa perbicaraan jika tertuduh disyaki tidak sempurna akal.

(7 markah)

- (b) Alice, seorang warganegara Thai, dipertuduh dengan sengaja menyebabkan cedera parah kepada Jami, suatu kesalahan di bawah seksyen 325 Kanun Keseksaan. Alice berhasrat untuk mengaku salah terhadap pertuduhan itu. Jelaskan undang-undang dan perlindungan-

**perlindungan yang berhubungan dengan pengambilan akumannya di mahkamah.**

**(7 markah)**

- (c) **Dengan merujuk Perlembagaan Persekutuan dan Kanun Tatacara Jenayah, jelaskan hak-hak asasi dan perlindungan-perlindungan prosedur yang tersedia bagi orang yang ditangkap.**

**(11 markah)**

**5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) “Bagi hukuman sebat, undang-undang memerintahkan bahawa hukuman sebat itu hendaklah berturut-turut.”

- Menurut Muniandy Kannyappan PK (sebagaimana beliau pada ketika itu) dalam *Pendakwa Raya lwn Mohamad Ramadhan bin Mohd Yusof* [2021] MLJU 1629.

**Kaji pernyataan di atas dengan merujuk undang-undang dan kes-kes yang diputuskan yang berkaitan sebagaimana pada tahun penghakiman [2021].**

**(12 markah)**

- (b) Tertuduh, Saufi, telah dipertuduh di mahkamah di Kuantan bagi dua kesalahan, yang pertama di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (‘ADB’) dan yang kedua di bawah seksyen 12(2) ADB. Bagi kesalahan pertama, pertuduhan telah dikurangkan kepada pemilikan dadah berbahaya, *Methamphetamine*, yang seberat 77.71 g. Bagi kesalahan kedua pula, Saufi telah dipertuduh dengan pemilikan dadah berbahaya, heroin, yang seberat 11.27 g. Kedua-dua kesalahan di bawah seksyen 12(2) boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) ADB. Saufi mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan. Dia berumur 50 tahun dan 3 bulan pada ketika itu. Dia mempunyai enam sabitan lampau, kesemuanya bagi kesalahan yang berkaitan dadah. Apabila dia ditangkap, dia baru sahaja dilepaskan dari

penjara selepas menjalani hukuman pemenjaraan dan sebat di bawah seksyen 39A(1) ADB. Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bijaksana dalam hujahan lisannya meminta mahkamah untuk menghukum Saufi bagi suatu tempoh pemenjaraan yang panjang dengan mengambil kira bahawa Saufi akan dikecualikan daripada hukuman sebat. TPR selanjutnya menegaskan bahawa jika seseorang pesalah yang disabitkan dikecualikan daripada sebat di bawah undang-undang, mahkamah kemudiannya patut mengambil kira perkara itu dan menaikkan tempoh pemenjaraan bagi hukuman itu.

Berdasarkan perkara di atas:

- (i) **Jelaskan langkah-langkah yang dikehendaki diambil oleh hakim perbicaraan sebelum merekodkan suatu akuan bersalah.**

**(5 markah)**

- (ii) **Tentukan sama ada hakim perbicaraan patut mempertimbangkannya sesuai untuk mengenakan hukuman pemenjaraan yang panjang berdasarkan pengecualian sebat terhadap Saufi.**

**(8 markah)**

**6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Bijan ialah seorang ahli politik terkemuka yang menghadapi tujuh (7) pertuduhan di hadapan Mahkamah Tinggi, iaitu satu (1) pertuduhan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, tiga (3) pertuduhan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan, dan tiga (3) pertuduhan bagi kesalahan di bawah seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001. Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan Notis Usul oleh Bijan bagi suatu perintah larang suara untuk mencegah media dan orang awam daripada membincangkan merit pertuduhan-pertuduhan jenayah terhadapnya sehingga penutupan prosiding. Berikutan penolakan

permohonannya, peguam Bijan telah membuat suatu permohonan lisan bagi penggantungan prosiding sementara menanti rayuannya terhadap penolakan permohonan itu diselesaikan.

**Berdasarkan perkara di atas, jelaskan prinsip-prinsip penentu dalam menimbangkan permohonan bagi penggantungan prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi.**

**(12 markah)**

(b) Jelaskan:

(i) **prosedur semasa pendengaran suatu rayuan jenayah.**

**(5 markah)**

(ii) **kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi dalam penyemakan.**

**(8 markah)**

**7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

(a) Nelson telah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dengan menaiki penerbangan dari Bangkok. Tidak lama selepas mendapatkan bagasinya, Nelson telah ditahan oleh ASP Mani. Selepas memotong jahitan yang dijahit secara tidak kemas di bahagian dalam suatu beg bimbit hitam yang dibawa oleh Nelson, ASP Mani telah menjumpai dua kompartmen tersembunyi yang mengandungi dadah berbahaya, kokain.

Apabila memberikan keterangan dalam pembelaannya semasa perbicaraan, Nelson mendakwa bahawa dia akan di bayar US\$3,000.00 untuk menyerahkan dadah itu kepada Bego dengan jayanya. Pada akhir perbicaraan itu, Hakim Mahkamah Tinggi telah menentukan bahawa pemilikan sebenar dadah itu telah pun dibuktikan tanpa keraguan yang munasabah. Nelson telah disabitkan dengan sewajarnya dan dijatuhkan hukuman mati bagi pengedaran 508 g kokain.

Nelson telah memfailkan rayuan terhadap sabitan dan hukumannya. Salah satu alasan rayuan adalah bahawa hakim perbicaraan yang bijaksana telah membuat pengadilan terlebih dahulu isu itu sebelum mendengar penghujahan kerana alasan penghakiman telah ditulis pada tarikh yang lebih awal seminggu daripada tarikh penghakiman diumumkan. Perkara ini telah dinyatakan dalam rekod rayuan. Nelson, melalui peguamnya, berhujah bahawa hakim perbicaraan yang bijaksana telah pun membuat keputusannya sebelum mendengar penghujahan peguam Nelson, yang selanjutnya berhujah bahawa hakim perbicaraan yang bijaksana berkewajipan untuk mendengar penghujahan daripada peguam dan Timbalan Pendakwa Raya sebelum memberikan keputusannya. Oleh yang demikian, peguam Nelson telah menggesa mahkamah rayuan untuk meremit kes itu kembali ke Mahkamah Tinggi untuk suatu perbicaraan semula.

**Berdasarkan perkara di atas, tentukan sama ada rayuan itu akan berjaya berdasarkan alasan itu.**

**(8 markah)**

- (b) Aarman telah dipertuduh membunuh, suatu kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Dia dikatakan melakukan kesalahan itu dengan dua orang yang lain yang masih bebas. Perbicaraan Aarman dimulakan pada November 2018 yang semasa perbicaraan itu sejumlah 19 orang saksi telah memberikan keterangan sebagai saksi bagi pihak pendakwaan. Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') kemudiannya membuat suatu permohonan lisan bagi dua orang lagi saksi untuk memberikan keterangan mengikut cara yang mereka tidak boleh dilihat atau didengar atau tidak boleh menyebabkan identiti mereka didedahkan sama ada kepada Aarman atau peguamnya.

**Berdasarkan perkara di atas, jelaskan prosedur yang boleh diguna pakai oleh mahkamah menurut permohonan lisan itu.**

**(7 markah)**

(c) Jawab yang berikut:

(i) **Jelaskan kewajipan koroner semasa suatu siasatan kematian.**

**(5 markah)**

(ii) **Jelaskan sama ada Pendakwa Raya boleh memerintahkan siasatan ke atas suatu kematian.**

**(5 markah)**

**oOOo**